

03 SEP 1999

Ketawa

KETAWA BERAMAI-RAMAI UNTUK PECAH REKOD DUNIA

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Jika anda kuat ketawa, anda berpeluang mencipta nama sebagai pemegang rekod dunia tidak lama lagi.

Satu usaha sedang dijalankan untuk mengumpul 60,000 rakyat Malaysia untuk memecah rekod dunia ketawa secara serentak. Rekod sekarang yang melibatkan 40,000 orang dicipta di India.

Dengan menyertai projek itu yang dianjurkan oleh Persatuan Bekas Pelajar Rumah Bakti di Hulu Klang dan sebuah syarikat pengendali acara, anda juga akan menyumbang kepada satu usaha amal kerana segala kutipan akan diderma kepada rumah anak-anak yatim itu.

Pengerusi biro ekonomi persatuan itu Hazli Izma Ghazali berkata acara itu dijadual berlangsung di Stadium Nasional di Bukit Jalil pada 3 Okt ini.

"Ia diadakan sebagai menyahut saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menggalakkan rakyat Malaysia memecahkan rekod dunia," katanya.

Hazli yang juga Pengurus Besar Adam Othman Enterprise, syarikat yang menguruskan acara itu, berkata acara itu akan juga mengukuhkan perpaduan kaum kerana mereka yang terlibat akan terdiri daripada rakyat berbilang bangsa dan kedudukan.

Berdasarkan satu laman di internet, ketawa merupakan satu bentuk terapi khusus bagi penyakit berkaitan otak seperti ketegangan, patah semangat dan sukar tidur.

Menerusi terapi itu, seseorang digalakkan ketawa sekuat-kuatnya agar udara sisa dalam paru-paru dapat dikeluarkan dan digantikan dengan udara baru yang kaya dengan oksigen.

Di India sahaja terdapat 60 kelab ketawa manakala di peringkat antarabangsa terdapat 150 kelab.

Mereka yang ingin menyertai acara pada 3 Okt ini, diminta menghubungi Hazli Izma Ghazali (tel: 03-6867042), Abdul Razak Yaakob (tel:013-3509635) dan Ros binti Rasul (tel:03-9668122) atau faks menerusi nombor 03-4415511.

-- BERNAMA

AFY MAI